

Cubaan rasuah pegawai Maritim gagal

Sinar Harian 23/5/2018 m/s 20

KUALA TERENGGANU- Cubaan dua tekong bot nelayan Vietnam merasuah pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) gagal, apabila ditahan di perairan Kuala Terengganu, kelmarin.

Kedua-dua tekong yang berusia 49 dan 51 tahun itu disyaki cuba menyogok pegawai Maritim terlibat sebanyak RM1,000, bagi melepaskan diri daripada ditahan kerana mencerooboh perairan negara untuk menangkap ikan.

Pengarah Maritim Terengganu, Kapten Maritim Rahim Ramli berkata, selain dua tekong berkenaan, 17 awak-awak yang berusia antara 14 hingga 54 tahun turut ditahan dalam operasi itu yang bermula pada jam 7.16 pagi.

Menurutnya, bot tersebut ditahan di dua lokasi berbeza, antara 73 hingga 77 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

"Kedua-dua bot itu sedang menunda pukat, ketika ditahan kapal Maritim yang sedang melakukan rondaan operasi.

"Hasil pemeriksaan lanjut, kita dapati tiga daripada nelayan Vietnam itu di ba-



Rahim sewaktu soal siasat nelayan yang ditahan.

wah umur dan ada kalangan mereka yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Nilai rampasan keseluruhan bernilai RM1.5 juta, termasuk hasil tangkapan laut, minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan," katanya.

Bot tersebut kemudiannya dibawa

ke jeti Maritim DM9 Kuala Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15 (1) (a) 1985 kerana mencerooboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran yang sah dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen kerana tidak mempunyai pengenalan diri dan permit kerja yang sah.